

16 MAY 2000

DR MAHATHIR TIBA DI IPOH UNTUK LANCAR HARI GURU

IPOH, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk melancarkan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Ketibaan beliau dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan isteri Datin Seri Kamariah Mokri serta pemimpin negeri.

Pada majlis hari ini Dr Mahathir akan menyampaikan anugerah Tokoh Guru Peringkat Kebangsaan kepada lima orang penerima serta menyampaikan anugerah untuk peraduan menulis karya kreatif dan pertandingan bahas di kalangan guru.

Beliau juga akan menyampaikan anugerah guru cemerlang bagi pendidikan khas, anugerah guru inovatif dan johan sekolah harapan negara.

-- BERNAMA

TM RHM